

Headline	stok penimbal ikan dilaksana		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	20	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	300 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,929
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,788




Stok Penimbal Ikan dilaksana

DIHARAP, bermula pada tahun depan, usaha LKIM untuk mewujudkan Stok Penimbal Ikan dapat dilaksanakan bagi menjamin bekalan ikan yang stabil pada masa-masa tertentu seperti musim tengkujuh dan lambakan.

Bagi menjayakan program tersebut, keperluan penyediaan kemudahan pembekuan *Individual Quick Freezing (IQF)* dan kemudahan penyimpanan perlu disediakan.

Program ini secara tidak langsung dapat membantu meringankan kos sara hidup rakyat dan memberikan harga yang berpatutan kepada nelayan.

Perkara tersebut telah dibangkitkan dalam Bajet 2018, iaitu kerajaan memperuntuk sebanyak RM50 juta kepada LKIM dan Lembaga Pemasaran Persekutuan (FAMA) dengan tujuan membolehkan pengguna

membeli barang makanan pada harga berpatutan.

Selain itu, LKIM juga mengiatkan jualan ikan secara terus melalui persatuan nelayan kepada orang ramai terutama golongan B40, yang mana diharap dapat membantu warga kota untuk berjimat dan mendapatkan ikan segar.

Pengguna juga akan terus diberi pilihan untuk memilih Q'Fish sekiranya harga ikan segar terlalu tinggi dan cadangan penambahan lokasi jualan Q'Fish akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Menurut **Datuk M. Saedon Ab Majid**, pelayaran LKIM boleh dibahagikan kepada empat fasa utama. Kesemua fasa tersebut menjadikan LKIM lebih teguh untuk mengharungi masa depan yang masih jauh bersama wira-wira negara yang tidak didendam itu.

Penganjuran Program Gelombang Nelayan Nasional (GNN) 2017 di Kemaman, Terengganu baru-baru ini memberi pengiktirafan kepada golongan berkenaan.

Program tersebut mendapat sambutan yang luar biasa dan meyakinkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi untuk memasukkan GNN sebagai satu acara tahunan dalam kalendar aktiviti negara.

Dalam pada itu, Pengerusi LKIM, **Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim** menyambut baik hasrat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mewujudkan Bandar Perikanan yang lebih komprehensif di Malaysia.

Perancangan jangka masa panjang tersebut bakal membuka peluang dan menggalakkan penglibatan lebih banyak belia dalam sektor perikanan.